

Ucapan 40170
451
70/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran,
Enche Hussein Onn di-Majlis Hari
Ucapan Tahunan dan Penyampaian
Hadiah serta Perasmian Pasar Ria,
Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz
Kajang Selangor pada 14.8.71 jam
10.00 pagi

Saya dahului dengan ucapan terima kaseh kepada semua pihak yang berkenaan di-sekolah ini kerana telah menjemput saya hadir dalam majlis yang meriah pagi ini.

Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Kajang, ini telah di-tubuhkan sabagai satu usaha hendak membanyakkan peluang kepada pelajar2 dari kawasan luar bandar, untuk mendapatkan pelajaran menengah yang baik, dengan chara yang terkawal. Boleh-lah di-katakan bahawa, sekolah ini dengan siap-nya dua blok bangunan baru, untuk asrama pelajar2 lelaki dan perempuan, merupakan sabagai lanjutan dari usaha mendirikan sekolah2 menengah yang berasrama penuh.

Dengan ada-nya asrama2 baru, makmal2 sains, dan kemudahan2 pelajaran yang lengkap di-sekolah ini, saya berharap supaya sekolah ini, akan dapat maju sa-tapak demi sa-tapak, hingga sa-tanding dengan sekolah2 lain seperti Alam Shah, Kolej Melayu, Sekolah Kolam Ayer dan Sekolah Tun Fatimah. Saya yakin bahawa, sekolah

ini mempunyai kebolehan dan kesanggupan, untuk menchapai kemajuan yang lebeh baik dalam bidang akademik, dan juga sukan serta olahraga.

Saya suka menyatakan

~~Ada-lah di-nyatakan~~ di-sini bahawa, dalam tahun ini, Kementerian Pelajaran membelanjakan hampir \$334,000.00 bagi sekolah ini sahaja, untuk membena dua blok asrama — satu blok untuk ⁷⁵ 70 orang pelajar lelaki, dan satu blok lagi untuk ⁷⁵ 70 orang pelajar perempuan — satu blok bangunan lapan bilek darjah, termasuk dua makmal sains 'am, dan perpustakaan, dan satu blok lagi untuk tiga makmal sains tulin. Nyata-lah bahawa, Kerajaan benar2 berusaha menyediakan kemudahan pelajaran untuk generasi muda kita, dan terserah-lah kepada mereka sendiri untuk menggunakan kemudahan2 ini, bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berguna kepada bangsa dan masharakat kita. Suka saya mengingatkan pelajar2, guru2 dan ibu bapa bahawa, tidak ada faedah-nya kita bangga dengan kemudahan2 ini, kalau tidak di-gunakan sebaik2-nya.

Kapada pelajar2 dan guru2, saya berseru supaya menumpukan sa-penoh minat terhadap pelajaran, lebeh2 lagi mata2 pelajaran sains dan teknologi. Pelajar2 dan guru2, jangan-lah hendak-nya berpuas hati dengan keadaan2 yang ada sahaja. Zaman kita ini, ia-lah zaman sains dan teknologi. Kalau kita ingin berdiri sama tinggi dan dudok

sama rendah dengan bangsa2 lain yang maju di-dunia ini, kita tidak-lah boleh ketinggalan di-dalam bidang ini. Kita harus-lah berusaha dengan segala tenaga yang ada dan tidak boleh terus menerus bergantung dan berharap kepada orang lain.

Saya tertarek hati dengan ucapan2 Guru Besar dan Pengerusi Lembaga Pengurus, yang telah menyentoh mengenai kemajuan pelajaran anak2 kita di-sekolah ini. Sungguh pun Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz baru berumur setahun jagong, tetapi telah dapat menunjukkan kebolehan dan kejayaan di-dalam bidang2 Akademik, Sokan dan Olahraga, dan juga peranan, serta sumbangan pelajar2 serta guru2 terhadap masharakat di-sekeliling mereka. Usaha ini saya memberi pujian, dan berharap akan terus berusaha untuk menjaminkan ia-nya, bukan sahaja berkekalan malah bertambah baik pada masa2 yang akan datang.

Saya sedar bahawa, kita menghadapi kekurangan guru2, terutama sekali Guru2 Sains. ~~Dan~~ Kementerian saya memang berusaha, untuk mendapatkan Guru2 Sains ini, supaya sekolah2 menengah tidak akan terkandas pelajaran sains mereka oleh kerana ketiadaan guru2 ini. Dalam masa lima tahun yang akan datang, Kementerian Pelajaran berkehendakkan lebih kurang 3,000 orang Guru2 Sains, dan 2,000 orang Guru2 Sastera, untuk memenohi kehendak2 pelajaran anak2 kita.

Mengenai Guru2 Sastera, saya suka menasehatkan pelajar2 bila melanjutkan pelajaran tinggi, jangan-lah menumpukan pelajaran kepada pelajaran2 yang mudah lulus peperiksaan, tetapi tidak memberi munafaat yang besar kepada diri pelajar2 sendiri dan juga kepada masyarakat khusus-nya.

Para hadirin sakalian sedia maalum bahawa, dalam tahun 1971 ini, Kementerian Pelajaran berharap akan berjaya melateh seramai lebeh kurang 3,050 orang guru untok Bahasa Malaysia yang sedang berjalan hari ini, iaitu, 1,750 orang guru dari Sekolah2 Menengah Rendah, dan baki-nya sa-ramai 1,300 orang terdiri dari guru2 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Kursus Bahasa Malaysia ini ^{Kementerian} ~~kita~~ kelolakan semenjak tahun lalu, dan di-adakan dalam masa chuti dan juga di-dalam masa persekolahan. Untok mengadakan kursus ini, ada-lah di-anggarkan bahawa, ianya akan menelan belanja kira2 \$1.4 juta. Ini ia-lah satu bukti yang sangat2 jelas, bagaimana pesat serta tegas-nya, Kementerian Pelajaran membuat rancangan untok melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Kursus2 yang di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran bertujuan, hendak memberi sebanyak2-nya bimbingan yang boleh, sechara langsung dan dengan chara itu, guru2 di-harapkan dapat menguasai bahasa Malaysia

dengan faseh, dan yang penting-nya membolehkan keyakinan menggunakan-nya di-dalam kelas2. Sebagai guru2 yang berpengalaman, saya perchaya, tuan2 dan puan2 bersetuju dengan saya bahawa, pelajaran apa jua jenis-nya, dan dalam bahasa apa pula pelajaran itu di-ajarkan, lebeh2 lagi pelajaran bahasa, sama ada bahasa Inggeris, bahasa Peranchis, bahasa Tagalok dan bahasa Malaysia, tidak akan terhenti di-pelajari sa-hingga habis hayat kita. Oleh itu, kita sa-harus-nya, meneruskan usaha mempelajari Bahasa Malaysia, dan kapada guru2 Melayu, berusaha mempelajari bahasa Inggeris, untok meningkat ka-taraf penguasaan serta penggunaan kedua2 bahasa itu, dari semasa kesemasa.

Sekolah ini juga menghadapi beberapa kekurangan saperti pondok basikal, padang bola jaring dan lain2, dan suka-lah saya menasehatkan agar pehak yang berkenaan di-sekolah ini membuat permohonan kapada Pejabat Pelajaran untok di-pertimbangkan.

Satu perkara lagi yang di-minta oleh sekolah ini ia-lah mengadakan Tingkatan VI. Di-sini suka-lah saya menyatakan bahawa, perkara ini bergantung kapada keputusan pelajar2 kita di-Tingkatan V pada tahun ini, dan tahun2 yang akan datang. Sekira-nya keputusan pepereksaan itu baik dan ramai pula anak2 kita berjaya di-dalam pepereksaan itu, maka kemungkinan mengadakan kelas Tingkatan VI itu

akan saya pertimbangkan. Sesuatu masharakat yang beku dan tidak ada mempunyai daya usaha, tidak akan berjaya. Kerajaan boleh menyediakan kemudahan2 untok kemajuan, tetapi benih inisiatif itu mesti-lah di-tanam oleh guru2 kita di-bangku sekolah lagi.

Mengenai Guru2 Besar sekolah2 kita bertukar selalu, ini memang tidak dapat di-elakkan oleh kerana kehendak perkhidmatan mereka. Sunggoh pun demikian, saya suka-lah memberi jaminan di-sini bahawa, seberapa yang boleh, Kementerian saya tidak akan menukarkan guru2 besar kerap kali, melainkan terpaksa.

*

Akhir kata, saya mengambil peluang ini, untok menguchapkan terima kaseh sekali lagi, dan menguchapkan tahniah kapada pelajar2 yang berjaya mendapat hadiah2 hari ini, dan kapada yang lain, saya menasehatkan agar belajar bersunggoh2, sa-muga pada tahun yang akan datang boleh memenangi hadiah2 saperti rakan2 mereka pada hari ini.

Dengan sukachita-nya saya merasmikan Pasar Ria Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz.

* Sekolah ini bertuah mendapat yang Berbahagia Tan
① Sri A. Radhi Shamsudin sebagai Pengerusi Lembaga
Pengelola.

② Beliau mengambik berat atas pelajaran
dan lawi.

③ Pandangan - nya
dalu uchapan - nya
saya ambil ingatan

akan saya pertimbangkan. Sesuatu manarikat yang buku dan tidak ada mempunyai daya usaha, tidak akan berjaya. Kerajaan boleh menyediakan kemudahan untuk kemajuan, tetapi benih inisiatif itu mestilah di-tanam oleh guru kita di-bangku sekolah lagi.

Mengenal Guru Besar sekolah kita bertukar selalu, ini memang tidak dapat di-elakkan oleh kerana keperluan perkhidmatan mereka. Sungguh pun demikian, saya suka-lah memberi jaminan di-sini bahwa, sebagai yang boleh, Kementerian saya tidak akan menukarkan guru besar kerap kali, melainkan terpaksa.

Akhir kata, saya mengambil peluang ini, untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi, dan mengucapkan terima kasih kepada pelajar2 yang berjaya mendapat hadiah parti ini, dan kepada yang lain, saya harap yang akan berjaya pada masa yang akan datang boleh memenangi hadiah seperti ini. Pada hari ini.



Dengan sukacita-nya saya mengucapkan terima kasih kepada Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz.

No. Siri 49
No. Penerimaan 49/80